


# MEJANA KECEMERLANGAN

AKADEMIK PELAJAR (MeKAP 4)

SEK. MEN. SAINS TUANKU SYED PUTRA

Oleh: Azilawati Suanda



Program ini telah menerima penyertaan seramai 112 orang pelajar Tingkatan Empat daripada Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra yang telah diadakan pada 13 hingga 15 Jun 2008 di Sekitar Kampus UniMAP. Program ini adalah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar dan bertujuan untuk menguji kemahiran dan mempraktikkan ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa Bengkel Asas Fasilitator yang telah diadakan pada 11 hingga 12 Mei 2008. Selain itu, program seperti ini juga dapat menonjolkan potensi diri pelajar-pelajar tersebut disamping dapat mempromosikan UniMAP kepada pelajar-pelajar sekolah.

Para pelajar disediakan slot kelas bimbingan bagi matapelajaran Kimia, Biologi, Lukisan Kejuruteraan, Matematik Tambahan dan Fizik. Ini merupakan kelas bimbingan untuk persediaan mereka menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun hadapan. Guru-guru yang pakar di dalam bidang masing-masing telah didatangkan khas bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan mereka.

Program ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamaruddin Husin, Naib Canselor UniMAP. Beliau amat menyokong program seperti ini dan sanggup meluangkan masa untuk beberapa aktiviti sepanjang program ini berlangsung diantaranya adalah Senamrobik dan Poco-poco. Sokongan yang diberikan oleh beliau telah menyuntik semangat para pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dalam memperolehi kejayaan.

Majlis penutup telah dilaksanakan oleh Puan Murizah Binti Mohamed, Penolong Kanan Akademik Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra. Program ini juga adalah hasil idea daripada isteri Naib Canselor iaitu Datin Noridah Yangman yang juga selaku guru kanan Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra.